

**TEKS UCAPAN
TUAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MAJLIS PELANCARAN PROJEK PERINTIS BUDGET RESPONSIF
GENDER (BRG), PANGSA PPR AMPANGAN
PADA
9 SEPTEMBER 2012 (AHAD)**

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis.

Yang Berhormat Puan Lydia Ong Kok Fooi

Exco Belia Dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga
Dan Komuniti

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali Bin Hj Mohamud

Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang
Perai

Yang Dihormati Dr. Cecilia Ng

Penasihat PWDC

Yang Dihormati Cik Sri Husnaini Binti Sofjan

Ketua Pegawai Eksekutif, Penang Women's Development
Corporation (PWDC)

Yang Dihormati Puan Aloyah Binti Bakar

Pengarah Projek Perintis Bajet Responsif Gender

Y.Bhg. Encik Mat Nasir Bin Hassan

Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan

Penilaian dan Pengurusan Harta

Y.Bhg. Encik Ahmad Syahrir Bin Jaafar

Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan

Harta

Y.Bhg. Encik Mohammad Noor Bin Che Man @ Harun

Pengurus IM Global Property Consultants

Y.Bhg. Encik Noramin Bin Ramli

Pengerusi Jawatankuasa LA 21 Pangsa PPR Ampangan,

Ketua-ketua Jabatan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

AJK-AJK Jawatankuasa LA 21 Pangsa PPR Ampangan

serta Penghuni-penghuni Pangsa PPR Ampangan,

Ampang Jajar yang sentiasa saya hormati dan seterusnya

Rakan-rakan media

.....
Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

1. Pertama sekali, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan untuk sama-sama menghadiri *Pelancaran Projek Perintis Bajet Responsif Gender (BRG) Pangsa PPR Ampangan* pada hari ini.
2. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan khusus kepada *Urusetia Pelancaran Projek Perintis BRG Pangsa PPR Ampangan* yang telah berusaha menjayakan program pada petang ini.
3. Ini merupakan kunjungan kali ketiga saya sebagai Yang Dipertua MPSP datang ke Pangsa PPR Ampangan

setelah memegang jawatan sebagai YDP MPSP. Syukur Alhamdulillah dan saya sentiasa menyokong kesemua aktiviti yang diadakan di tempat tuan-tuan dan puan-puan.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

4. Untuk makluman, Projek GRB ini adalah merupakan projek perintis yang dijalankan di bawah PWDC, Kerajaan Negeri, MPSP dan MPPP. Untuk tahun ini, Majlis Perbandaran Seberang Perai telahpun memperuntukan sebanyak RM 200 ribu untuk projek perintis ini yang akan mengambil masa selama 3 tahun. Bagi projek perintis pada tahun ini untuk MPSP, projek yang telah dikenalpasti iaitu kebersihan, kitar semula dan keselamatan. Saya difahamkan bancian keperluan penduduk Pangsa PPR Ampangan ini telah dijalankan sejak bulan April hingga Mei 2012 oleh Penang Women's Development Corporation (PWDC) ke atas 250 unit kediaman di PPR ini. Petang ini merupakan upacara kemuncak kepada *Projek Perintis BRG*. Terima kasih diucapkan kepada penghuni-penghuni Pangsa PPR Ampangan yang telah turut serta menjayakan projek ini

samada di peringkat bancian, kumpulan tumpu-bincang dan di peringkat undian. Tanpa kerjasama anda semua projek ini tidak akan berjaya.

5. Bagi projek perintis ini bancian telah dilakukan dan ianya dibahagikan kepada lima (5) kumpulan yang terdiri daripada kumpulan 18 tahun dan ke bawah (kanak-kanak dan remaja), 19-30 tahun (belia), 31-55 tahun (dewasa), 56 tahun dan ke atas (warga emas) dan orang kelainan upaya (oku). Oleh itu, keperluan semua lapisan umur telah pun diambilkira dalam menjayakan projek ini.
6. Keselamatan dan kebersihan adalah menjadi fokus utama dalam projek perintis ini. Projek ini adalah selari dengan matlamat Kerajaan Negeri ke arah Pulau Pinang “*Lebih bersih (Cleaner) , Lebih hijau (Greener), Lebih selamat (Safer) and Lebih sihat (Healthier)*”. Ini juga akan menyokong ke arah misi MPSP untuk menjadikan Seberang Perai sebagai sebuah kawasan yang bersih, indah dan selesa untuk diduduki serta menjadi tarikan pelaburan serta menepati motto MPSP iaitu “*Sustainability is our commitment*”.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

7. Suka saya maklumkan bahawa MPSP juga telah mewujudkan tujuh (7) Fokus bagi tahun 2012 dan fokus pertama yang diterapkan ialah “Pembersihan dan Kehijauan” kawasan Seberang Perai dan fokus kedua; eko-komuniti. Pada pendapat saya, projek pada petang ini menepati salah satu fokus MPSP iaitu merancang dan melaksanakan projek bersama dengan komuniti. Program ini juga merupakan salah satu program yang melibatkan komuniti dalam mengenalpasti keperluan-keperluan dan seterusnya berharap komuniti akan bersama-sama melaksanakan program yang telahpun dikenalpasti supaya kita mendapat satu program yang menjurus kepada ” *sense of belonging* ” ataupun semangat kepunyaan.
8. Pangsa PPR Ampangan ini merupakan satu-satunya rumah pangsa milik MPSP yang diwujudkan bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan supaya sama-sama dapat menikmati tempat tinggal yang lebih selesa. Aspek keselesaan ini bersandarkan kepada elemen kebersihan dan keselamatan. Bagi meningkatkan

lagi tahap kesselesaian penghuni-penghuni PPR MPSP, maka MPSP telah bekerjasama dengan PWDC, yang mana PWDC telah membantu MPSP mengadakan bancian dalam penentuan keperluan utama penghuni-penghuni di sini bagi memberikan satu kediaman yang selesa untuk diduduki oleh tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

9. Walau bagaimanapun, elemen kebersihan dan keselamatan ini tidak akan dapat dikecapi sekiranya penghuni-penghuni di sini tidak bersama-sama MPSP menjaga kebersihan dan juga keselamatan. Saya amat mengharapkan setiap penghuni di Pangsa PPR Ampangan ini dapat sama-sama menghayati dan menyokong serta bekerjasama dengan MPSP bagi menjaga kebersihan dan keselamatan rumah pangsa ini.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

- 10.Kebersihan merupakan lambang keperibadian seseorang serta imej sesuatu masyarakat dan jadikan Pangsa PPR Ampangan ini sebagai satu tempat tinggal awam yang paling bersih, cantik dan indah di Seberang Perai.

11. Selain aspek kebersihan, aspek keselamatan juga adalah penting bagi mewujudkan satu tempat tinggal yang selesa untuk didiami. Saya telah mendapat maklumat bahawa terdapat aktiviti vandalisma berlaku di sini seperti kejadian merosakkan CCTV, contengan di dinding serta kecurian lampu yang menyebabkan kos penyelenggaraan meningkat. Ingatlah, kerosakan kemudahan-kemudahan awam akibat vandalisma akan hanya menyusahkan penyewa-penyewa PPR sendiri dan oleh itu saya berharap semoga kemudahan yang disediakan di sini dapat dijaga dengan baik seperti harta sendiri bagi menjamin ianya dapat digunakan untuk tempoh yang lebih lama.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

12. Di kesempatan ini, saya ingin mengambil peluang untuk mengingatkan kepada penyewa-penyewa PPR yang mempunyai tunggakan sewa. Bayarlah tunggakan sewa bagi mengelakkan MPSP menamatkan penyewaan anda. Sewa rumah hanya RM100 sebulan dan saya

yakin tiada kediaman seumpamanya di luar sana yang tuan-tuan dan puan-puan dapat sewa pada kadar yang semurah ini. MPSP menanggung perbelanjaan kira-kira RM22,000 sebulan untuk kos penyelenggaraan dan pengurusan Pangsa PPR Ampangan ini demi memberikan keselesaan dan kemudahan kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Kos ini tidak termasuk kos-kos pembaikan bangunan jika berlaku kerosakan besar.

13. Pada masa ini, tunggakan penyewaan di sini berada pada paras RM51,000 dan hal ini membimbangkan MPSP kerana keadaan ini jika berterusan akan memberikan kesan yang buruk kepada pengurusan dan penyelenggaraan. Ingin saya tegaskan di sini bahawa MPSP tidak akan teragak-agak untuk menamatkan penyewaan dan mengambil tindakan penguatkuasaan dan perundangan kepada mereka yang enggan menjelaskan sewaan. Ini tidak adil kepada mereka yang sentiasa membayar sewa. Di luar sana masih ramai yang memohon untuk menduduki Pangsa PPR Ampangan ini. Untuk makluman, terdapat kira-kira 50 orang penama yang tersenarai dalam senarai

menunggu. Jika tunggakan berterusan maka MPSP tiada pilihan selain mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengeluarkan penyewa-penyewa tegar dan menggantikannya dengan penyewa-penyewa dalam senarai menunggu (waiting list) yang berminat untuk menyewa di rumah pangsa PPR MPSP ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin sekalian,

14. Akhir kata, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir dan memberikan komitmen penuh terhadap program ini dan saya menyeru kepada semua, marilah sama-sama kita berganding bahu menjaga kebersihan dan menceriakan kawasan sekitar agar kehidupan kita lebih berkualiti. Saya juga ingin mencadangkan bahawa walaupun kita ada pengawal keselamatan, penduduk melalui Jawatankuasa LA 21 ini boleh turut serta dalam aktiviti rondaan sebagai satu pasukan (team) yang berperanan membasmi aktiviti-aktiviti yang kurang sihat daripada bermaharajalela di sini.

15. Marilah kita menjaga rumah Pangsa PPR Ampangan ini sepertimana kita menjaga hartabenda kita sendiri. Dengan kata-kata dan harapan ini, maka saya sudah ucapan ini dengan Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.